

## KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 16 DISEMBER 2022  
AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 30

**Pertumbuhan KDNK Malaysia diunjur perlahan pada 2023**

# Pertumbuhan KDNK Malaysia diunjur perlahan pada 2023

**KUALA LUMPUR** - RAM Ratings menjangka pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia perlahan antara empat dan lima peratus pada 2023 daripada unjuran 8.2 peratus pada 2022.

Agensi penarafan itu berkata, kelembapan ekonomi global dijangka menjejaskan eksport Malaysia manakala tekanan harga yang masih ketara dan keadaan monetari lebih ketat mungkin memberi kesan kepada penggunaan domestik.

“Permintaan domestik dijangka memacu ekonomi apabila perniagaan dan isi rumah pulih sepenuhnya selepas terjejas akibat pandemik Covid-19,” katanya dalam satu kenyataan pada Rabu.

Ia berkata, asas Malaysia yang luas dan pelbagai akan mengurangkan tekanan yang semakin meningkat kepada pertumbuhan pada 2023.

RAM Ratings berkata, pertumbuhan ekonomi juga akan disokong oleh keadaan pasaran buruh yang lebih kukuh tahun depan dengan purata kadar pengangguran diunjurkan jatuh kepada 3.5 peratus daripada jangkauan 3.8 peratus pada 2022.

Ia berkata, penyelesaian isu berkaitan pekerja asing dan rantai bekalan juga harus memberikan dorongan tambahan untuk pertumbuhan.

Sementara itu, RAM Ratings berkata, kemerosotan yang berlaku dalam ekonomi global dan/atau inflasi domestik adalah risiko penurunan utama untuk tahun depan.

Dari segi fiskal, paras harga komoditi yang lebih sederhana dan perbelanjaan subsidi yang berkaitan, mungkin dapat mengekalkan defisit fiskal pada 5.4 peratus daripada KDNK daripada unjuran 5.8 peratus pada 2022. - *Bernama*